| | |
|---|---|
| MIROS<br>MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH<br>ASEAN ROAD SAFETY CENTRE | INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS) |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Rujukan Iklan | : | **Bilangan 6 Tahun 2017** | Tarikh Siaran | : | **07 - 22 September 2017** |

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) merupakan sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 (Akta 748) dan merupakan salah satu agensi Badan Berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang mempunyai kelayakan dalam bidang yang berkaitan dan mempunyai ciri-ciri pekerja '*multi-tasking*' serta berkeupayaan bekerja dengan pengawasan minimum untuk mengisi kekosongan jawatan seperti disenaraikan.

## PANDUAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon hendaklah mengisi borang **Permohonan Jawatan Kosong MIROS** yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang www.miros.gov.my.
2. Sila sertakan bersama dokumen dan salinan sijil seperti berikut:
   (a) Resume lengkap dan senarai tugas terkini (jika bekerja);
   (b) Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran;
   (c) Sijil Kelulusan Persekolahan: SPM/SPM(V)/STPM dan Sijil yang membuktikan kelulusan Bahasa Melayu setaraf kelulusan SPM (jika berkenaan);
   (d) Ijazah/Diploma dan transkrip/surat pengesahan kelulusan peperiksaan akhir dari pusat-pusat pengajian tinggi;
   (e) Sijil-sijil lain yang ada berkaitan dengan jawatan seperti Sijil Malaysian University English Test (MUET), sijil pendaftaran penuh dengan lembaga ikhtisas atau kelulusan-kelulusan lain;
   (f) Surat pelepasan biasiswa selain daripada Pemegang Biasiswa Persekutuan dan Sijil pendaftaran calon kurang upaya/surat pengesahan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia/Program Kesejahteraan Rakyat (jika berkenaan).
3. Salinan sijil-sijil penghargaan/penyertaan kegiatan luar atau ko-kurikulum TIDAK PERLU disertakan semasa permohonan. Pemohon hanya perlu mengemukakan sijil-sijil berkenaan apabila telah disenarai pendek untuk menghadiri sesi temu duga.
4. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan sekiranya pemohon sedang dalam perkhidmatan Kerajaan dan perlu disertakan bersama Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir dan Kenyataan Perkhidmatan.
5. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar melalui pos atau serahan tangan sahaja ke alamat:

   **Urus Setia Pengambilan**
   **Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan,**
   **Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia,**
   **Lot 135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral,**
   **43000 Kajang, Selangor.**
6. Tarikh tutup permohonan adalah pada **22 September 2017**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan tidak akan dipertimbangkan.
7. Hanya calon-calon yang melepasi tapisan dan disenarai pendek untuk ditemuduga sahaja akan dimaklumkan sama ada melalui telefon, emel atau surat panggilan temu duga. Sekiranya tiada sebarang maklum balas diterima daripada pihak MIROS selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan hendaklah dianggap TIDAK BERJAYA.

| | |
|---|---|
| MIROS<br>MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH<br>ASEAN ROAD SAFETY CENTRE | INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS) |

**JAWATAN & GRED** : **PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41**

**TARAF JAWATAN** : **KONTRAK**

**BIL. KEKOSONGAN** : **TIGA (3)**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**JADUAL GAJI DAN KADAR KENAIKAN TAHUNAN (KGT)** :

| GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KGT |
|---|---|---|
| **RM2,315.00** | **RM9,618.00** | **RM225.00** |

**SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) i. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan: RM2,315.00] atau

ii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan: RM2,522.44] atau

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT TAMBAHAN** : Keutamaan adalah bagi calon-calon yang:

(a) Memperoleh keputusan dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK/CGPA) 3.00 dan ke atas di peringkat ijazah pertama.

(b) Mempunyai latar belakang akademik dalam bidang elektrik/ elektronik/mekatronik/automotif/komputer.

(c) Mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang pengaturcaraan komputer (NI LabVIEW, C, C++) dan pembangunan aplikasi mudah alih (*mobile apps*).

(d) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja berkaitan reka bentuk atau penyelenggaraan turapan jalan

**RINGKASAN TUGAS** :

- Menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang berkaitan keselamatan jalan raya.
- Menjalankan penyelidikan asas dan gunaan, memberikan khidmat nasihat kepakaran serta menyebar maklumat-maklumat berkenaan keselamatan jalan raya.
- Mengetuai projek penyelidikan.

| | |
|---|---|
| MIROS — MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH — ASEAN ROAD SAFETY CENTRE | INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS) |

**JAWATAN & GRED** : **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19**

**TARAF JAWATAN** : **KONTRAK**

**BIL. KEKOSONGAN** : **SATU (1)**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **KEWANGAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**

**JADUAL GAJI DAN KADAR KENAIKAN TAHUNAN (KGT)** :

| GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KGT |
|---|---|---|
| RM1,353.00 | RM4,005.00 | RM100.00 |

**SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.

[Gaji Permulaan: RM1,353.00] atau

ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan: RM1,409.40] atau

iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan: RM1,409.40] atau

iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan: RM1,465.80] atau

v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan: RM1,465.80]

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**RINGKASAN TUGAS** :

- Menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan merangkumi urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan, pinjaman dan lain-lain di peringkat Pelaksana.

| | |
|---|---|
| MIROS<br>MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH<br>ASEAN ROAD SAFETY CENTRE | INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS) |

| | | |
|---|---|---|
| **JAWATAN** | **:** | **FELO PERKHIDMATAN (SETARA JAWATAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41)** |
| **BIL. KEKOSONGAN** | **:** | **SATU (1)** |
| **TEMPOH LANTIKAN** | **:** | **ENAM (6) BULAN** |
| **GAJI MINIMUM** | **:** | **RM2,315.00/BULAN** |
| **SYARAT LANTIKAN** | **:** | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>(a) Warganegara Malaysia;<br>(b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;<br>(c) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. |
| **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** | **:** | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **SYARAT TAMBAHAN** | **:** | Keutamaan adalah bagi calon-calon yang:<br>(a) Memperoleh keputusan dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK/CGPA) 3.00 dan ke atas di peringkat ijazah pertama.<br>(b) Mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang pengaturcaraan komputer (PHP dan JavaScript). |
| **RINGKASAN TUGAS** | **:** | ➢ Membangunkan aplikasi laman web.<br>➢ Mengembangkan perisian-perisian dan sistem yang penyelidikan yang digunakan di MIROS. |

| | |
|---|---|
| MIROS<br>MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH<br>ASEAN ROAD SAFETY CENTRE | INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS) |

| | | |
|---|---|---|
| **JAWATAN** | **:** | **PEKERJA SAMBILAN HARIAN** |
| **BIL. KEKOSONGAN** | **:** | **SATU (1)** |
| **TEMPOH LANTIKAN** | **:** | **TIGA (3) BULAN** |
| **KADAR UPAH** | **:** | **RM100.00/HARI** |
| **SYARAT LANTIKAN** | **:** | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>(a) Warganegara Malaysia;<br>(b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;<br>(c) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. |
| **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** | **:** | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **SYARAT TAMBAHAN** | **:** | Keutamaan adalah bagi calon-calon yang:<br>(a) Memperoleh keputusan dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK/CGPA) 3.00 dan ke atas di peringkat ijazah pertama.<br>(b) Mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang pengaturcaraan komputer (PHP, JavaScript, MySQL dan MSSQL). |
| **RINGKASAN TUGAS** | **:** | ➢ Menaik taraf sistem aplikasi sedia ada yang digunakan di MIROS. |